# MEMPERSIAPKAN APA SAHAJA UNTUK MISI BANTUAN KEMANUSIAAN

MEMPERSIAPKAN APA SAHAJA UNTUK MISI BANTUAN KEMANUSIAAN

Post by Warga Prihatin.

---

# GAMBARAN KEMUSNAHAN PASCA BANJIR

GAMBARAN KEMUSNAHAN PASCA BANJIR

Post by Warga Prihatin.

---

# MISI BANTUAN KEMANUSIAAN WARGA PRIHATIN

MISI BANTUAN KEMANUSIAAN WARGA PRIHATIN
//

Post by Warga Prihatin.

---

# Hudud akan memecah-belahkan masyarakat – Marina

on December 19, 2014in Bahasa Malaysia



**KUALA LUMPUR** – Aktivis sosial, Datuk Paduka Marina Mahathir menentang usaha melaksanakan hukum Hudud di Kelantan kerana tidak sesuai dengan masyarakat berbilang agama.

Menurutnya, beliau berharap hukum tersebut tidak dilaksanakan kerana "Walaupun hukum Hudud hanya untuk warga muslim, tetapi kita hidup di dalam suasana masyarakat yang bercampur-campur, jadi kelak semua orang akan terlibat."

Beliau yang juga merupakan anak bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad turut menyatakan, mengikut apa yang diketahuinya, Perlembagaan Malaysia tidak membenarkan hukum Hudud ini dilaksanakan.

Bahkan, Marina mendakwa, sekarang bukannya masa untuk Malaysia melaksanakan undang-undang seperti itu.

“Mengikut perlembagaan, setahu saya memang tidak boleh, saya harap ini bukan masanya untuk undang-undang Hudud macam ni,” ujarnya lagi.

Marina mendakwa, beliau tidak sampai hati untuk melihat penganut agama Islam dikenakan hukum Hudud jika ia dilaksanakan kelak selain menyatakan dengan perlaksanaan hukum Hudud itu akan memecah-belahkan masyarakat.

Dalam pada masa yang sama, Marina turut tidak menolak bahawa perlaksaan hukum Hudud ini mempunyai kaitan dengan politik yang dimainkan oleh PAS.

“PAS sudah membuat janji pada masa dahulu. Sekiranya tidak dilaksanakan, nanti orang kata PAS tidak ikut janji.

“Tetapi, PAS kena berjanji benda yang betul-betul, yang membawa kebaikan kepada masyarakat pada amnya dan bukannya pada satu-satu kumpulan sahaja,” katanya semasa ditemui media di Institut Pengurusan Wanita.

Kenyataan Kelantan sebelum ini Menteri Besarnya, Datuk Ahmad Yakob menyatakan, akan mengadakan sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Khas pada 29 Disember.

Ia bagi mengemukakan pindaan terhadap Rang Undang-Undang Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 Kelantan (EKJS II) berkaitan hukum Hudud.

Jelasnya lagi, pindaan tersebut perlu dibuat untuk melayakkan Kelantan membawa usul rang undang-undang persendirian EKJS II ke sidang Dewan Rakyat di Parlimen dan seterusnya melaksanakan hukum Hudud di negeri itu.

## RAHSIA SOLAT # 6 : TAKBIRATUL-IHRAM DI DALAM DAN LUAR SOLAT

---

## RAHSIA SOLAT 5: DI SEBALIK NIAT

---

## RAHSIA SOLAT 4: QIAM DAN PERSEDIAAN DI TEMPAT SOLAT